

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN SECARA JUALAN : RADAS PENYINARAN SMITH
MILIK JABATAN LAUT MALAYSIA WILAYAH UTARA**

Jabatan Laut Malaysia Wilayah Utara
Jalan Akuarium
11700 Gelugor
PULAU PINANG

1. Tawaran adalah dipelawa dari **syarikat atau orang perseorangan** yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan aset	*Nombor Pendaftaran	Kuantiti	Harga Simpanan (RM)
1.	Mesin Pengimbas SMITH	MOT/JLMWU/H/16/1	1	138,000.00

2. Aset boleh dilihat pada **16 Jun 2025 hingga 30 Jun 2025** di antara jam **9:00 pagi hingga 4:00 petang** di **Pejabat Laut Langkawi ,07000 Pulau Langkawi,Kedah** kecuali waktu rehat Ahad – Khamis : 1.00 petang hingga 2.00 petang; atau boleh menghubungi **En Mohd Shahrul Bin Mat Ripin / Pn Rina Maslina Binti Baharudin** di talian **04-9666134**
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperoleh di alamat seperti di para 4 **mulai 17 Jun 2025**. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan ditanda No. Sebut harga **JLMWU/ PELUPUSAN (S)/ 04/2025** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat:-

Pengarah Laut Wilayah
Jabatan Laut Malaysia Wilayah Utara
Jalan Akuarium
11700 Gelugor
PULAU PINANG

5. Tarikh tutup sebut harga pada **30 Jun 2025 jam 12.00 tengah hari**. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

(**MOHD NOR FAIZAL BIN HASSAN**)

Alamat : Jabatan Laut Malaysia Wilayah Utara
Jalan Akuarium, 11700 Gelugor
Pulau Pinang

Tarikh : 16 Jun 2025

Cop :



SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada **harga simpanan**.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan **deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah**. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Draf Bank sahaja atas nama **JABATAN LAUT MALAYSIA WILAYAH UTARA**.
3. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh **dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan**. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset **dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan**. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.
9. Dokumen sebut harga ini boleh diperolehi semasa lawatan tapak.
10. Untuk **syarikat**, sijil-sijil asal iaitu Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan (MOF) atau Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM) perlu dibawa untuk mengambil Dokumen Sebut Harga. Hanya penama dalam Untuk **perseorangan**, Kad Pengenalan perlu dibawa untuk mengambil Dokumen Sebut Harga. **Satu salinan dokumen asal (Sijil atau Kad Pengenalan) perlu diserahkan kepada Urusetia semasa pengambilan Dokumen Sebut Harga**.
11. Hanya penama dalam Sijil MOF/ SSM atau Kad Pengenalan yang boleh mengambil Dokumen Sebut Harga. Bagi perseorangan, tawaran sebut harga hanya boleh dibuat oleh penama dalam salinan kad pengenalan yang diserahkan semasa pengambilan dokumen sebut harga.